



PERATURAN PERTANDINGAN SEPAKTAKRAW

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA.
- 1.2 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Permainan Gabungan Sepaktakraw Antarabangsa (ISTAF) dan Persatuan Sepak Takraw Malaysia (PSM) yang berkuatkuasa pada ketika ini.

2.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1 Perkara 4.0. di dalam Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA adalah di rujuk.
- 2.2 **Pembentukan Regu**
 - 2.2.1 Setiap pasukan hendaklah mendaftarkan nama pegawai dan pemain.
 - 2.2.2 Setiap Fakulti dibenarkan menyertai tidak lebih daripada Tiga (3) regu.
 - 2.2.3 Bilangan Pegawai dan pemain bagi **SATU REGU** adalah seperti berikut:

	Pengurus	Jurulatih	Pemain	Jumlah
Minima	1	1	3	5
Maksima	1	1	5	7

2.3 Kelayakan

Hanya pemain yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

3.0 FORMAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan Antara Regu.
- 3.2 Sistem pertandingan akan dijalakankan secara Liga atau Kalah Mati. (sekiranya kurang dari 20 regu mengambil bahagian, pertandingan akan dijalankan secara Liga)
- 3.3 Secara Liga.

- | | | | |
|---------------------------|--------|---|--------|
| 3.3.1 Cara memberi mata : | Menang | - | 2 mata |
| | Kalah | - | 0 mata |
- 3.3.2 Sekiranya selesai semua perlawanan dalam sesuatu KUMPULAN, kiraan MATA diperolehi sama oleh DUA PASUKAN atau lebih, maka kemenangan akan ditentukan dengan cara turutan peraturan berikut:
- 3.3.3 Kiraan perbezaan SET - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan SET, akan dikira menang.
- 3.3.4 Kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA - Regu yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA.
- 3.3.5 Sekiranya dengan kaedah-kaedah di atas terdapat sama juga oleh DUA REGU sahaja, maka REGU yang telah mengalahkan lawannya akan dikira menang dan jika kaedah ini juga tidak mendapat keputusan, maka REGU-REGU berkenaan akan diundi bagi menentukan kedudukan Pemenang Kumpulan.

4.0 PASUKAN & MASA BERMAIN

4.1 Sistem Perkiraan Mata seperti berikut : -

- 4.1.1 Jika 20 regu mengambil bahagian, pertandingan akan diguna pakai masa kini iaitu 15 Mata.
(15-0,15-0) "Best of Three (3) set
- 4.1.2 Jika Kurang dari 20 regu mengambil bahagian, pertandingan akan diguna pakai iaitu 30 Mata.

4.2 Semua perlawanan dimulakan mengikut masa dan jadual Pertandingan yang telah ditetapkan

5.0 KELEWATAN

Hanya 15 minit sahaja masa yang diberikan kepada sesuatu pasukan yang lewat dan selepas tamat tempoh masa tersebut pihak lawannya yang berada di gelanggang akan diberikan kemenangan percuma dengan pemberian 2 MATA dan kiraan mata 15-0, 15-0.

5.0 PENANGGUHAN

- 5.1 Pertandingan ini tidak boleh ditangguhkan atas permainan mana-mana pasukan.
- 5.2 Jika sesuatu pertandingan tidak dapat dijalankan atau tergendala separuh jalan oleh kerana hujan, cuaca gelap, becak atau sebagainya maka sesuatu keputusan pertandingan antara regu yang diberhentikan akan disambung semula dengan kedudukan mata pasukan-pasukan yang ditangguhkan itu.

6.0 KUASA PENGADIL RASMI

Pengadil rasmi adalah berkuasa menentukan samada sesuatu pertandingan itu boleh dijalankan atau tidak oleh kerana hujan, cuaca gelap, gelanggang becak atau sebagainya, keputusan pengadil rasmi adalah muktamad.

7.0 PAKAIAN DAN PERALATAN

- 7.1 Semua pemain hendaklah berpakaian (berjersi) seragam.
- 7.2 Ketua regu mestilah dilantik dalam setiap regu semasa permainan dan dikehendaki memakai tanda di lengan (Arm Band).
- 7.3 Bola
Bola Pertandingan yang akan digunakan, akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

8.0 MELANGGAR PERATURAN-PERATURAN

Jika didapati mana-mana pasukan yang bertanding di dalam kejohanan ini bersalah melanggar peraturan-peraturan ini, Jawatankuasa Pengelola berkuasa mengambil apa-apa tindakan yang dipikirkan wajar.

9.0 HAL-HAL YANG TIDAK DINYATAKAN

- 9.1 Rujuk kepada Undang-undang Peraturan Am Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA.
- 9.2 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan SAF dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**